



NOTIS SEBUTHARGA

KERAJAAN MALAYSIA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah **Kod Bidang 210101, 210102, 210103, 210104, 210105 dan 210106** bagi Sebutharga yang berikut:

Bil	No. Rujukan Sebutharga	Nama Sebutharga
1.	KBS.S.4-15/18 (SH.05/2010)	Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji, Mentauliah, Menyelenggara (Dalam Tempoh Waranti) Peralatan dan Perisian bagi Pelaksanaan Peningkatan Serta Perkhidmatan Backup Solution di Kementerian Belia dan Sukan

1. Kaedah sebutharga adalah secara ePerolehan. Dokumen sebutharga boleh didapati secara atas talian di www.eperolehan.com.my (Untuk Pembekal yang berdaftar dan telah diperbolehkan penggunaan sistem eP sahaja) mulai **02 Ogos 2010**.
2. Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan sebelum **12.00 tengah hari 09 Ogos 2010 (Isnin)** manakala dokumen sokongan lain hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat yang berlainan serta dicatatkan **Nombor Cadangan Pembekal (Y019101000010xxxx)** dan **Nombor Sebutharga KBS.S.4-15/18 (SH.05/2010)** pada penjuru atas sebelah kiri sampul surat bagi kedua-dua sampul surat (**Kegagalan mencatatkan Nombor Cadangan Pembekal akan menyebabkan sebutharga tidak akan dipertimbangkan**). Kedua-dua sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN
ARAS 7, MENARA KBS,
NO.27, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
62570 PUTRAJAYA**

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana tawaran yang dikemukakan melalui pos. Sebutharga yang lewat tidak akan dipertimbangkan

3. Syarikat-syarikat yang hendak mendaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia boleh berbuat demikian secara atas talian di **<http://www.eperolehan.gov.my>** atau boleh menghubungi Khidmat Bantuan Pelanggan ePerolehan di talian **03-79857777**.
4. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga.